

Oleh **Khairunnisa Kamarudin**
nisa.kamarudin@bh.com.my

► Nilai

MPP USIM anjur Hari Terbuka Sukan

Seramai 200 pelajar dan kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) hadir memiahkan Hari Terbuka Sukan anjuran Biro Sukan dan Pembangunan Belia, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM, baru-baru ini.

Program itu adalah inisiatif Biro Sukan dan Pembangunan Belia MPP bagi memperkenalkan semua jenis

sukan yang terdapat di USIM kepada pelajar.

Exco Sukan dan Pembangunan Belia

MPP USIM, Muhammad Nor Amin Jamaluddin, berkata program itu bukan sahaja mempromosikan sukan



Abdul Muiz memukul bola golf sebagai gimik pelancaran Hari Terbuka Sukan USIM.



Ahli MPP yang menjayakan Hari Terbuka Sukan USIM.

di USIM, malah berjaya merapatkan hubungan serta ukhuwah antara pelajar dan atlet universiti.

"Antara sukan yang diketengahkan ialah bola tampar, bola sepak, tenis, pingpong, boling padang, ragbi, golf, bola jaring, badminton, tenpin bowling, sepak takraw, futsal dan memanah.

Bakat pelapis

"Sukan golf dan boling padang berjaya mendapat perhatian pengunjung apabila mereka berpeluang merasai sendiri pengalaman bermain sukan itu dengan betul," katanya.

Katanya, program yang menjadi pentas bagi mencari bakat pelapis atlet USIM dalam kalangan pelajar juga bermatlamat membudayakan aktiviti bersukan di kampus.

Majlis perasmian program disempurnakan Yang DiPertua MPP USIM, Abdul Muiz Abdul Hakim.